



SIARAN MEDIA

1. Majlis Perbandaran Selayang ingin menafikan tentang penyebaran satu iklan palsu yang disebar luas pada hari ini melalui aplikasi whatsapp dan laman sosial media oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Iklan tersebut memaklumkan bahawa satu temuduga pengambilan pekerja untuk Pasar Borong Selayang akan diadakan pada 8 Mei 2020 di Dewan Sri Siantan Jalan Sungai Tua bermula jam 2 petang.
2. Untuk makluman, MPS tidak menerima dan meluluskan apa-apa permohonan untuk aktiviti temuduga pekerjaan di Dewan tersebut. Semakan yang dibuat ke atas nombor yang disertakan di dalam iklan tersebut juga didapati tidak aktif dan tidak dapat dihubungi.
3. Justeru, MPS memohon orang ramai agar menghentikan penyebaran iklan tersebut agar ianya tidak menimbulkan kesulitan kepada mereka yang sedang mencari pekerjaan dan mewujudkan kekeliruan di kalangan masyarakat.
4. Untuk sebarang pengesahan maklumat berkaitan MPS, orang ramai diminta untuk melayari www.mps.gov.my atau laman sosial MPS. Orang ramai juga boleh menghubungi talian hotline MPS di 1-800-222-677 atau 03-6138 9898 untuk sebarang pertanyaan.

Dikeluarkan Oleh:

Mohamad Zin Masoad A.M.S.

Pengarah
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

B/P

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

7 Mei 2020



Today

Jawatan Kosong di Pasar Borong Selayang

Untuk interview Esok (8/5/2020) petang selepas pukul 2.00 petang hingga pukul 5.00 petang di dewan seri siantan jalan sungai tua selayang.

Gaji di Bahagian sayur rm 70.00
Mula 8.30 pagi hingga 1.00 petang

Gaji di Bahagian ikan rm 90.00
Mula 12.00 masuk hingga 11.00 pagi

Surau. Kanti. tanda das. disediakan oleh dbkl

[01126943406](tel:01126943406) mr y.c. contact dia eh utk further info

Nah,, siapa yg berminat sila pergi interview ni terbuka utk kaum lelaki shj

Mohon panjangkan kepada rakan2, sahabat kita semua yg memerlukan pekerjaan.

12:31 PM ✓